# Kristus 3



Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to this comic book as provided by United States copyright law.

Print and digital copies of this version may be freely distributed without penalty under a Creative Commons license.




MATIUS 3:1-6, MARKUS 1:1-6, LUKAS 3:1-6, YOHANES 1:6-8


KAMU MENGANGGAP DIRIMU ANAK-ANAK ABRAHAM, NAMUN KAMU IBARAT ANAK-ANAK ULAR!
JANGANLAH MULA BERKATA SESAMA SENDIRI, 'ABRAHAM NENEK MOYANG KAMI.'
ITU TIDAK ADA MAKNANYA!
KETAHUILAH, ALLAH DAPAT BUAT BATU-BATU INI MENJADI KETURUNAN UNTUK ABRAHAM!
YOHANES MENGENAKAN PAKAIAN YANG DIBUAT DARIPADA BULU UNTA. DIA MAKAN BELALANG DAN MADU HUTAN. BANYAK SEKALI ORANG YANG DATANG DARI PELUSUK NEGERI UNTUK MENDENGARKAN YOHANES.
APAKAH YANG HARUS KAMI LAKUKAN?
SESIAPA YANG MEMPUNYAI DUA HELAI BAJU, HARUS MEMBERIKAN SEHELAI KEPADA ORANG YANG TIDAK MEMPUNYAI BAJU.
SESIAPA YANG MEMPUNYAI MAKANAN, HARUS BERKONGSI MAKANAN DENGAN YANG BERKEKURANGAN.
LIHATLAH, KAPAK SUDAH TERSEDIA UNTUK MENEBANG POKOK SEHINGGA KE AKARNYA.
TIAP-TIAP POKOK YANG TIDAK MENGHASILKAN BUAH YANG BAIK…
…AKAN DITEBANG LALU DIBUANG KE DALAM API
PEMBAPTIS! SAYA SEORANG PEMUNGUT CUKAI!
SAYA SUDAH BERDOSA TERHADAP TUHAN DAN MANUSIA!
SAYA TELAH MENCURI DAN… DAN…
KATAKANLAH! APA YANG HARUS SAYA LAKUKAN?


WAHAI TEMAN, MUDAH SAHAJA!
JANGANLAH MINTA LEBIH DARIPADA APA YANG TELAH DITETAPKAN.
LAKUKANLAH PERKARA-PERKARA YANG MENUNJUKKAN BAHAWA KAMU SUDAH BERTAUBAT DARIPADA DOSA.
SERAHKAN DIRIMU KEPADA TUHAN.
MEREKA MENGAKU DOSA, LALU YOHANES MEMBAPTIS MEREKA DI SUNGAI YORDAN.
SUDAH LAMA KAMI MENUNGGU-NUNGGU KEDATANGAN KRISTUS YANG DIUTUS OLEH ALLAH UNTUK MENYELAMATKAN KAMI DARI PENGUASA KAMI.
ADAKAH KAMU…?
TIDAK.
AKU MEMBAPTIS KAMU DENGAN AIR UNTUK MENYATAKAN BAHAWA KAMU SUDAH BERTAUBAT DARIPADA DOSA.
TETAPI DIA YANGAKAN DATANG ADALAH LEBIH BESAR DARIPADA AKU.
SEHINGGA MENJINJING KASUT-NYA PUN AKU TIDAK LAYAK.
DIA AKAN MEMBAPTIS KAMU DENGAN ROH ALLAH!
DAN API!
DEMIKIANLAH YOHANES MENASIHATI ORANG DENGAN BERBAGAI-BAGAI CARA, PADA WAKTU DIA MENGISYTIHARKAN BERITA BAIK TENTANG KEDATANGAN MESIAS YANG AKAN MEMBAWA SEMUA BANGSA MELIHAT KESELAMATAN DARI TUHAN.
TIBA-TIBA, PADA SUATU HARI…






MATIUS 3:13-15, MARKUS 1:9, LUKAS 3:21


TIBA-TIBA LANGIT TERBUKA DAN ROH ALLAH TURUN SEPERTI BURUNG MERPATI KE ATAS-NYA.
INILAH ANAK-KU YANG AKU KASIHI.
DIA MENYENANGKAN HATI-KU.


TERIMA KASIH, YOHANES.
DIALAH ORANGNYA!
DIALAH YANG AKU KATAKAN!
YANG AKAN DATANG KEMUDIAN DARIPADA AKU, TETAPI YANG LEBIH BESAR DARIPADAKU KERANA DIA SUDAH ADA SEBELUM AKU DILAHIRKAN.
APA YANG BERLAKU DI SINI, FILIPUS?
SAYA TIDAK TAHU, ANDREAS… SAYA TIDAK TAHU…


KEMUDIAN YESUS DIPIMPIN OLEH ROH ALLAH KE PADANG GURUN.
DIA TINGGAL DI SANA SELAMA EMPAT PULUH HARI--
--DAN EMPAT PULUH MALAM--
--SELAMA ITU DIA BERDOA DAN BERPUASA.
AKHIRNYA DIA MERASA LAPAR.
HALO.
MAKA DATANGLAH IBLIS UNTUK MENCUBAINYA.
MATIUS 4:1-2, MARKUS 1:12, LUKAS 4:1-2






MATIUS 4:3-4, LUKAS 4:3-4






MATIUS 4:5-7, LUKAS 4:9-12




MATIUS 4:8, LUKAS 4:5





MATIUS 4:9-10, LUKAS 4:6-8


KEMUDIAN IBLIS MENINGGALKAN YESUS UNTUK SEMENTARA WAKTU SEHINGGA ADA PELUANG LAIN YANG LEBIH BAIK.
DAN MALAIKAT-MALAIKAT PUN DATANG..
... DAN MEREKA MENGUATKAN SERTA MENOLONGNYA DI PADANG GURUN.
MATIUS 4:11, LUKAS 4:13


ITULAH DIA. DIA MEMPUNYAI BANYAK PENGIKUT.
DAN ORANG RAMAI TAATI APA YANG DIFIRMANKANNYA.
ITU AKAN MENJADI MASALAH KALAU FIRMAN ITU BOHONG DAN TERPESONG DARI KEBENARAN.
MARILAH KITA CARI TAHU.
HAI PEMBAPTIS!
KAMI ADA BEBERAPA SOALAN UNTUKMU
YA, YA, APA SOALANMU?
KAMI AGAK WAS-WAS TENTANG APA YANG KAMI TELAH DENGAR DALAM AJARAN-AJARANMU.
SAYA HANYA MENGAJARKAN KEBENARAN.
ADA SEGELINTIR YANG PERCAYA BAHAWA KAMU INI MESIAS.
ADAKAH ITU BENAR?
TIDAK! TIDAK! TIDAK!
TERUS TERANG AKU MENGATAKAN, AKU BUKAN PENYELAMAT YANG DIUTUS OLEH ALLAH.
JADI, SIAPAKAH KAMU? ADAKAH KAMU ELIA?
BUKAN!
ADAKAH KAMU NABI ITU?
BUKAN!
KATAKANLAH SIAPA KAMU INI?
KERANA KAMI MESTI BERIKAN JAWAPAN KEPADA MEREKA YANG MENGUTUS KAMI.



KAMU INGIN TAHU SIAPA AKU?
AKU INI SEORANG YANG BERSERU DI PADANG GURUN.
DENGAN SERUAN YANG BERKATA ‘LURUSKANLAH JALAN BAGI TUHAN!’
AKULAH SUARA YANG DIKATAKAN OLEH NABI YESAYA BERTAHUN-TAHUN DAHULU!
KAMU KATA KAMU BUKAN PENYELAMAT YANG DIUTUS OLEH ALLAH, ATAU ELIA, ATAU NABI ITU.
TETAPI KAMU MEMBAPTIS ORANG!
MENGAPA?
PEMBAPTISANKU ADALAH PENYUCIAN SIMBOLIK DENGAN AIR!
TETAPI DIA YANG TIDAK KAMU KENAL ADA DI KALANGAN KAMU. DIA DATANG KEMUDIAN DARIPADAKU!
ANAK DOMBA ALLAH YANG MENGHAPUSKAN DOSA DUNIA!
DAN AKU HANYA MENYEDIAKAN JALAN BAGINYA WALAUPUN AKU TIDAK LAYAK MENGURAI TALI KASUT-NYA PUN!
DIA TIDAK MENGATAKAN SEBARANG BENTUK PENGHUJATAN!
BENAR, DIA HANYA MENGATAKAN APA YANG TERTULIS DI KITAB BAHAWA MESIAS AKAN DATANG!
BAH! ‘KEBENARAN’ ITU KELUAR DARI MULUTNYA YANG CUKUP SOMBONG SEHINGGA BERANI MENGAKUI DIRINYA SEBAGAI DIA YANG DIKATAKAN OLEH YESAYA!
DAN PARA IMAM DAN ORANG-ORANG LEWI KEMBALI KE YERUSALEM UNTUK MEMBUAT LAPORAN MEREKA.
SEMENTARA ITU, YOHANES TERUS BERUCAP TENTANG “ANAK DOMBA ALLAH..”


…LALU AKU NAMPAK ROH ALLAH TURUN SEPERTI BURUNG MERPATI DARI LANGIT LALU TINGGAL DI ATAS-NYA.
DAHULU AKU BELUM MENGETAHUI SIAPA DIA ITU.
TETAPI ALLAH YANG MENYURUH AKU MEMBAPTIS ORANG DENGAN AIR BERFIRMAN KEPADAKU:
“ENGKAU AKAN NAMPAK ROH ALLAH TURUN LALU TINGGAL DI ATAS SESEORANG. DIALAH YANG AKAN MEMBAPTIS ORANG DENGAN ROH ALLAH!”
KU SUDAH NAMPAK KEJADIAN INI, DAN AKU MEMBERITAHU KAMU BAHAWA DIALAH ANAK ALLAH.
YOHANES…
*LIHATLAH!!!*
*DIALAH* ANAK DOMBA ALLAH!!!


PERGI!
PERGI!
RABBI!!!
GURU!!!
APAKAH YANG KAMU MAHU? APAKAH YANG SEDANG KAMU CARI?
RABBI…
DI MANAKAH RABBI TINGGAL?
MARILAH TEMAN-TEMAN, IKUT AKU DAN LIHAT.



MEREKA PUN MENGIKUT DIA.
RABBI, AKU AKAN KEMBALI SECEPAT MUNGKIN…
ANDREAS, KAMU HENDAK KE MANA?
SAYA HARUS MENCARI SAUDARA SAYA… DIA TIDAK AKAN PERCAYA SIAPA YANG TELAH KAMI TEMANI SEHARIAN!
SIMON!
SIMON!!!
ANDREAS?
ADA APA?
SIMON, ITU ORANGNYA!
DIALAH ORANGNYA!
DIA SUDAH DATANG! SAYA MENGHABISKAN SEPANJANG HARI INI BERSAMANYA!
SIAPA YANG DATANG? SI PEMBAPTIS?
BUKAN! DIA YANG SELALU DIKATAKAN OLEH PEMBAPTIS ITU!
MESIAS!
MESIAS?
DI SINI?


KAMU HARUS DENGAR SEMUA YANG DIA KATAKAN!
SAYA SELALU MENYANGKA BAHAWA YOHANES ITU SEPERTI PARA NABI DALAM HAL MESIAS INI...
BERITAHU KITA TENTANG SESUATU YANG BAKAL TERJADI, TETAPI BUKAN UNTUK GENERASI YANG AKAN DATANG!
HA HA! BUKAN! SEKARANG WAKTUNYA! ***SEKARANG!***
HALO!
HALO, RABBI. SAUDARAKU TELAH BANYAK MENCERITAKAN TENTANGMU.
KAMU SIMON ANAK YOHANES.
TETAPI KAMU AKAN DIPANGGIL PETRUS...
PETRUS? "BUKIT BATU" YA? ITU NAMA YANG BAGUS UNTUK SAUDARAKU!!!
YA, KAMU AKAN DIPANGGIL PETRUS.
*MEREKA BERSAMANYA SEPANJANG HARI.*
JADI, APA PENDAPATMU?
DIA SEORANG YANG MENAKJUBKAN...
MARILAH! KITA HARUS NAIK KE PERAHU SEKARANG!
KITA SUDAH KEHILANGAN WAKTU! AIR SUDAH MENDINGIN DAN IKAN-IKAN AKAN MULAI NAIK KE PERMUKAAN!


KEESOKKAN HARINYA.
...PAGI DAN PETANG, SEEKOR DOMBA DIKORBANKAN UNTUK DOSA-DOSA KITA, DAN DIA YANG DATANG KEMUDIAN DARIPADA AKULAH ANAK DOMBA ALLAH YANG DIKATAKAN NABI YESAYA...
FILIPUS!
DI MANA TEMAN-TEMAN MU?
MEREKA NELAYAN, JADI MEREKA TELAH MENANGKAP IKAN SEMALAMAN.
AKU AKAN KE GALILEE.
BAIKLAH... ITU TEMPAT ASALMU, BUKAN?
IKUTLAH AKU!
SUDAH TENTU, RABBI!
SUDAH TENTU!
RABBI... ADA SATU HAL YANG SAYA INGIN LAKUKAN SEBELUM KITA PERGI...


"...DIA BERMIMPI BAHAWA DIA NAMPAK SEBUAH TANGGA DI BUMI YANG HUJUNGNYA SAMPAI KE LANGIT, DAN MALAIKAT-MALAIKAT TURUN NAIK TANGGA ITU..."
SUATU TANGGA SEBAGAI PERANTARAAN SYURGA DAN BUMI.... DI ANTARA TUHAN DAN MANUSIA...
NATANAEL!!!
NATANAEL, KAMU HARUS IKUT AKU SEKARANG.
KAMI SUDAH BERJUMPA DENGAN ORANG YANG DISEBUT OLEH MUSA DI DALAM TAURAT.
DIA YANG DINUBUATKAN OLEH PARA NABI!
MESIAS? ADAKAH ITU MAKSUDMU, SESUNGGUHNYA?
MARILAH BERJUMPA DENGANNYA!
NAMA DIA YESUS! YESUS ANAK YUSUF DARI NASARET.
NASARET! KOTA YANG KECIL SEKALI!
DAN DEKAT SEKALI DENGAN TEMPAT KAWALAN ROMAWI...
CERITA-CERITA YANG TELAH SAYA DENGAR TENTANG ORANG-ORANG DI SANA...
BOLEHKAH SESUATU YANG BAIK DATANG DARI NASARET?
MARILAH LIHAT!
INILAH ORANG ISRAEL SEJATI!
SEORANG YANG JUJUR DAN BENAR!
BAGAIMANA TUAN MENGENALI SAYA?
AKU NAMPAK KAMU!
SEBELUM FILIPUS MEMANGGIL KAMU, AKU TELAH NAMPAK KAMU DI BAWAH POKOK ARA ITU!
SUATU TEMPAT YANG CUKUP SELESA UNTUK BERDOA, MEDITASI DAN MEMPELAJARI TAURAT...



RABBI, KAMU *SEMEMANGNYA* ANAK TUHAN, YA?
RAJA BANGSA ISRAEL!
ADAKAH KAMU PERCAYA KERANA AKU BERKATA AKU NAMPAK KAMU DI BAWAH POKOK ARA ITU?
NATANAEL BARTOLOMEUS KAMU AKAN MELIHAT PERKARA-PERKARA YANG JAUH LEBIH BESAR DARIPADA HAL INI!
PERCAYALAH, KAMU AKAN MELIHAT LANGIT TERBUKA!
DAN MALAIKAT-MALAIKAT ALLAH AKAN TURUN PADA ANAK MANUSIA!
SUATU TANGGA SEBAGAI PERANTARAAN SYURGA DAN BUMI.... DI ANTARA TUHAN DAN MANUSIA...
*KEMUDIAN, YESUS DAN PARA MURIDNYA KE RUMAHNYA DI GALILEA DAN MEREKA TELAH DIJEMPUT KE MAJLIS PERKAHWINAN DI KOTA KANA.*


SAYA TIDAK MENYANGKA INI PULA YANG TERJADI APABILA MESIAS MEMANGGIL AKU UNTUK MENGIKUTNYA!
SAYA RASA, TIDAK BANYAK YANG KITA JANGKAKAN AKAN DIA LAKUKAN!
YESUS! ADA MASALAH!
MEREKA KEHABISAN WAIN.
IBU, MENGAPAKAH SAYA HARUS DILIBATKAN?
SAAT-KU BELUM TIBA.
KAMU!
LAKUKAN APA SAHAJA YANG DIKATAKAN-NYA KEPADA KAMU.
DIA BIJAK DAN AKAN BANTU MENYELESAIKAN MASALAH INI!
ISILAH TEMPAYAN-TEMPAYAN INI DENGAN AIR.
TEMPAYAN-TEMPAYAN INI? INI UNTUK MENCUCI TANGAN!
AIR. BERUNTUNG SUNGGUH KAMI MENDAPAT ORANG INI UNTUK MENYELE-SAIKAN MASALAH KAMI.
KATA MARIA KAMI HARUS TURUTI APA YANG DIA KATAKAN! JADI IKUTLAH!
ISI CAWAN SAYA!
TAPI TUAN…
CEPAT! ISI CAWAN SAYA!
BAIK TUAN.


MMMM
MMMMM
DI MANA PENGANTIN LELAKINYA?
BIASANYA ORANG MENGHIDANGKAN WAIN TERBAIK TERLEBIH DAHULU, LALU APABILA PARA TETAMU SUDAH PUAS MINUM BARULAH WAIN BIASA DIHIDANGKAN.
TETAPI SI LICIK INI MENYIMPAN WAIN TERBAIK SEHINGGA SEKARANG! INILAH WAIN TERBAIK YANG SAYA PERNAH SAYA MINUM!!!
TAPI... TEMPAYAN ITU...
YA! AIR! SAYA NAMPAK!
LIHATLAH!
CUBALAH HIDU!
RASANYA!
SESUNGGUHNYA INI WAIN YANG TERBAIK!
ITULAH MUKJIZAT PERTAMA YANG DILAKUKAN OLEH YESUS.
DIA MENYATAKAN KEMULIAAN-NYA DAN PENGIKUT-PENGIKUT-NYA PERCAYA KEPADA-NYA.

"THE BIBLE EXPLAINED IN EVERY LANGUAGE."








**SUPERBIBLE.TV**